

PERTANDINGAN IDEA KREATIF VETERINAR 2012

1. JANUARI : Bebas

- 1.1 **Monitoring Info System (MIS) atau Sistem Penyampaian Info** Merupakan info terperinci melalui media elektronik seperti televisyen/monitor yang disambung terus melalui pengkalan data asas daripada penjaga "main system" Ibu Pejabat Putrajaya untuk disampaikan kepada pejabat-pejabat negeri atau daerah seperti diletakkan di bahagian depan kaunter pejabat masing-masing.

Sehubungan itu, info-info terkini dapat disampaikan terus kepada kakitangan atau orang awam seperti penyebaran penyakit FMD dengan segera. Seterusnya perpindahan ternakan dapat dikesan dari negeri berkaitan untuk mengekang kemasukan ternakan yang telah dijangkiti.

Selain itu, konsep pelaksanaan idea kreatif ini juga dapat disampaikan melalui perkongsian idea dengan sepenuhnya jika idea-idea terkini dapat diberitahu ke setiap DVS Negeri atau Daerah agar digunapakai oleh semua kakitangan jabatan. Tambahan lagi, idea asal dari satu individu dapat ditambahbaik oleh kakitangan atau orang awam untuk kebaikan bersama.

*Mohamad Fadhil bin Kasmudi
VA, PPVD Johor Bahru*

- 1.2 **A model for integration of pasture, tree fodders, swiftlet farming, fish ponds and cattle rearing in durian smallholdings/orchards or hill region / empty lands through forest clearances.**

This will be a frontier for key performances in processing durian husks as biofertilizer, the seed as livestock and aquaculture feed, commercialization of empty land for optimum output of durian (seasonal) and tree fodder production as animal feed or other purpose. The swiftlet farming within 1-3 acres will also provide financial strength through sales of swiftlet birds nest with high value price. And, the seasonal production of durian will provide opportunity for concentration of labour sources toward development pasture for cattle rearing (1000-2000 heads) through integration system. Tree fodders which easily grown contain high levels of crude protein and minerals and many show high levels of digestibility for livestock feeding (although the use of tree can be for fuelwood, shelter, timber, herbal medicines and food. The integration system only can apply when the durian orchards almost 2 years old with enough pasture, so that the planting of tree fodder (cut and carry system) and cattle rearing (young age) can be established. So far, a lot development concerning the processing technique of durian has

been made, but the usage of the durian by products as feed materials for livestock still less. The durian seed has been well nutritive with high content of protein as much as 12% as good cattle feed, the durian husks for manufacturing of biofertilizer through drying and grinding, decomposed and recycling process can be used in the orchards soil amendments or as organic fertilizer. The swiftlet farming in durian orchards provide good location as the *Aerodramus spesis* bird population quite high in this orchard especially when the orchards exist in the hill region. The fish pond also provide alternate route for utilization of the base lands with ponds on the production of fish as Keli and Tilapia (which can reach good price). And, the durian seeds that have been processed locally in the farm can be added together with commercial fish pellet for aqua feeding and fish growth. Still, this project will depend on the output of data on the effect of grazing on the performance of cattle and forage under durian plantation production level in fish and durian and the availability of land with good soil. With proper development, swiftlet farming and durian orchards can be merge and integrated for benefit of livestock rearing in Asia country and Malaysia.

*Dr Gunalan A/L Shanmugam
VO, MVK Kuantan*

- 1.3 **Ucapan kata penghargaan daripada KPPV pada setiap kali ulang tahun kelahiran setiap warga DVS**
Media yang boleh digunakan ialah kad ucapan atau email. Ucapan ini sekurang-kurangnya akan membina asas hubungan yang lebih rapat di antara pihak pengurusan dengan setiap warga Jabatan.

*Jamadi bin Badri
Peg. Penguatkuasa , IPPV*

2. FEBRUARI : Bebas

- 2.1 **Mengadakan kursus potensi dan kejayaan bidang usaha ternakan** Memberi pendedahan kepada orang ramai peluang dan bagaimana menjayakan projek untuk semua ternakan utama. Kursus-kursus diberikan kepada mereka yang sudah mengetahui apa yang hendak dibuat supaya ilmu lebih mendalam dari segi teknikal.

*Noor Rahim bin Sharif
RO, IPPV*

- 2.2 **Pengimejan korporat JPV**

Gerai berbentuk botol susu segar yang tertera logo jabatan bagi menjual produk haiwan termasuk susu segar seperti tahun 80an perlu diaktifkan semula. Lokasi jualan utama seperti pasar tani, pasar malam dan lokasi strategik tumpuan ramai wajar diletakkan gerai ini termasuk penggunaan khemah atau payung besar berlogo JPV bagi kegunaan peniaga produk haiwan termasuk daging atau burger.

Jamadi bin Badri
Peg. Penguatkuasa , IPPV

2.3 **Tunjuk ajar kepada penternak**

Mencadangkan setiap kakitangan teknikal memberi tunjuk ajar kepada penternak sekurang-kurangnya 2 orang setiap tahun sehingga penternak tersebut boleh membuat sendiri. Sebagai contoh unit kesihatan, setiap staf hendaklah memberi tunjuk ajar kepada 2 orang penternak. Begitulah juga dengan unit-unit seterusnya.

Ibrahim bin Abdul Rahman
VA, JPV Negeri Terengganu

MAC : Meningkatkan keselamatan harta benda di pejabat Jabatan

3.1

- i) Semua pegawai dan staf DVS hendaklah sepanjang masa memakai Pas Keselamatan Pejabat semasa berada di dalam bangunan pejabat.
- ii) Pelawat, pekerja kontraktor yang menyelenggara pejabat dan peralatan serta pencuci dalam bangunan pejabat hendaklah melaporkan diri di Kaunter Keselamatan Pejabat terlebih dahulu sebelum menjalankan tugas masing-masing.
- iii) Pelawat, pekerja kontraktor yang menyelenggara pejabat hanya dibenarkan untuk berada di aras yang ditetapkan sahaja kecuali mendapat kebenaran dari Pengawal Keselamatan DVS dan sentiasa memakai Pas Keselamatan Pejabat.
- iv) Pintu masuk utama di semua aras hendaklah sentiasa berkunci selepas waktu pejabat atau selepas semua pegawai dan staf meninggalkan pejabat.
- v) Semua bilik mesyuarat hendaklah sentiasa berkunci semasa tidak digunakan dan kuncinya disimpan oleh Pengawal Keselamatan DVS.

- vi) Urusetia mesyuarat bertanggungjawab untuk menghubungi Pegawai Keselamatan DVS bagi membuka pintu. Bilik mesyuarat tidak boleh dibiarkan tidak berkunci tanpa kehadiran Pengawal Keselamatan DVS atau urusetia mesyuarat.
- vii) Urusetia hendaklah menghubungi Pengawal Keselamatan DVS sebaik sahaja mesyuarat selesai dan beliau hendaklah menjadi orang yang terakhir keluar dari bilik mesyuarat sejurus Pengawal Keselamatan DVS tiba.
- viii) Semua pegawai yang diperuntukkan bilik hendaklah memastikan bilik sentiasa berkunci semasa pegawai meninggalkan bilik masing- masing.
- ix) Pegawai dan staf yang dikehendaki atau ingin menjalankan tugas pada hari cuti Kelepasan Am hendaklah melaporkan diri di Kaunter Keselamatan terlebih dahulu dengan catatan keluar dan masuk.
- x) Semua Penyelia Unit Pentadbiran Bahagian-bahagian di setiap aras hendaklah memastikan Alat Pemadam Api yang disediakan sentiasa berada dalam keadaan baik dengan cara memastikan mengikut tarikh tempoh sahlaku yang ditetapkan dan boleh digunakan apabila perlu;
- xi) Semua penyelia Unit Pentadbiran Bahagian- bahagian di setiap aras hendaklah memastikan pintu- pintu kecemasan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan apabila perlu.

Dr Yahasmida Binti Yaacob
BPKY, IPPV

3.2

- i) Kakitangan perlu sentiasa peka dengan persekitaran tempat kerja dimana drawer, locker dan pintu bilik dikunci dan kunci disimpan di tempat dan selamat.
- ii) Kakitangan juga perlu sentiasa peka dengan orang sekeliling dimana siapa yang selalu keluar masuk kawasan tempat kerja.
- iii) Kawasan exit yang mempunyai tangga berdekatan pintu pejabat seharusnya selalu dikunci
- iv) Meletakkan webcam @ CCTV di kawasan potensi dan mudah keluar masuk.
- v) Melantik sekurang-kurang dua orang pegawai keselamatan (KP 11) untuk bertugas menjaga dua shift bergilir-gilir.
- vi) Aset pejabat perlu disimpan di tempat selamat dan berkunci

MARLINA MOHD IBRAHIM
Bhg Penguatkuasa
IPPV, Putrajaya

3.3 Menggubal undang-undang untuk menghentikan kekejaman manusia terhadap haiwan.

Jeyashankar a/l Jeyarajah

3.4 Mewujudkan Jawatankuasa mengikut komoditi yang mengandungi pengusaha dari seluruh rantai nilai – dari ahli akademik/ penyelidik sehingga kepada pengguna akhir – untuk menjuruskan semua kegiatan kepada apa yang barangan diperlukan oleh pelanggan dengan kos yang paling baik.

Oleh itu hala tuju dapat dihayati oleh setiap pengusaha atau stakeholder supaya segala penemuan baru dihargai, segala produk terjual dan pengguna puas hati, khidmat sokongan khusus dan akhirnya menjadi rendah dan pengeluaran cekap.

Noor Rahim bin Sharif
RO, IPPV

3.5 Mewujudkan sistem email yang memberi penghargaan kepada semua staf JPV seluruh Negara semasa hari kegembiraan mereka seperti hari gaji/hari jadi. Kandungan email adalah mengucapkan selamat hari jadi (jika masa hari jadi) dan diikuti dengan kata perangsang untuk tingkat mutu kerja. Setiap bulan bila hari gaji – nyatakan pesanan kepada staf untuk mengurus kewangan dengan betul dan panduan untuk menjimatkan belanja serta menerangkan konsep bersyukur - dengan kerja lebih focus dan rajin – mesej untuk meningkatkan semangat semua staf – dari pengurusan atasan – telah ada sistem yang membuat secara automatik – dengan memberi sms/email secara individu bukan secara general.

Noor Rahim bin Sharif
RO, IPPV

3.6 Menggunakan sistem SMS/ telefon secara kumpulan yang ada di Celcom / Maxis untuk memudahkan penghantaran SMS berkelompok dan menjimatkan perbelanjaan. Tetapkan pengguna yang layak mengikut dan bekalkan dengan telefon bimbit dan kadar panggilan seperti dalam pekeliling tetapi dikelompokkan.

Noor Rahim bin Sharif
RO, IPPV

3.7 Meningkatkan keselamatan harta benda di pejabat Jabatan merupakan tugas dan tanggungjawab Pegawai Keselamatan Jabatan yang dilantik. Di antara kaedah yang boleh kita ambil adalah memastikan aset tersebut

terletak di kawasan strategik dan mudah dikawal pergerakannya, sentiasa dibuat pemantauan dan kemaskini rekod penyelenggaraan secara berjadual termasuklah diberi tanda /cop "HAK MILIK KERAJAAN"

Dr Madzlan bin Mohd Salleh
VO, JPV Kelantan

4. APRIL : Meningkatkan kebersihan dan kekemasan pejabat

- 4.1** Setiap pagi sebelum memulakan tugas, semua pegawai dan kakitangan DIWAJIBKAN untuk membersihkan workstation masing-masing. Penilaian bulanan ruang pejabat paling kemas bagi kategori individu dan bahagian. Workstation yang kemas dan cantik diberi badge smiley face dan yang gagal diberi sad face. Badge akan ditampal di workstation masing-masing.

Nurul Aini Mohd Yusof
RO, IPPV

- 4.2** Kurangkan barang dibawah meja dan barang yang tidak diperlukan. Ia akan menyenangkan kerja pembersihan seharian. Maka bersihlah kawasan itu.

Dr Chandrawathani P.
VO, VRI

- 4.3** Melaksanakan audit dalaman amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa amal) secara berkala demi meningkatkan kesedaran di kalangan penjawat awam supaya sentiasa memastikan kebersihan dan kekemasan ruang pejabat.

DR. MARZURA MD RODZI
VO, MKAV

- 4.4** Mengasingkan dan melupus dokumen yang tidak perlu, manakala yang perlu disusun dan diseragamkan sistem penyimpanannya (seperti abjad dan warna) untuk memudahkan pencarian dan penyimpanannya.

DR. MARZURA MD RODZI
VO, MKAV

- 4.5** JPV mengadakan pertandingan terbuka kepada daerah-daerah yang mempunyai peratusan tertinggi dalam mengumpul database penternak. Maklumat yang boleh dikumpul adalah nama, alamat, no telefon, no hand set jika ada, komoditi dan bilangan ternakan. Ini akan membentuk database yang lebih besar lagi untuk kegunaan jabatan dalam merancang apa jua program. Ini boleh mendekatkan penternak dengan Jabatan melalui sistem sms atau media lain yang murah, cepat dan personalize.

Noor Rahim Sharif
RO, BPKT IPPV

5. MEI : Meningkatkan esprit de corps di kalangan warga Jabatan

- 5.1** We should heighten the feelings of loyalty and love of our jabatan by having fun work environment. Sometimes we can wear same colour scheme baju for the unit, sometimes can makan-makan together, have coffee and chit chat for 15 min together. It can be to do something charitable together such as clean up the pantry together etc. It is up to section to create this feeling and it will be infectious to others. This is team spirit that can be created unconsciously. All starts with one person in the team to inculcate the feeling of togetherness, feeling of tolerance and forgiveness for our colleagues and reminding each other about working together.

Dr Chandrawathani Panchadcharam
VO, VRI Ipoh

- 5.2** Penggunaan strategi komunikasi yang berkesan. Masalah komunikasi yang wujud akan menggugat semangat bekerjasama, semangat kekitaan dan semangat berpasukan. Hal ini akan menyebabkan matlamat tidak dapat tercapai kerana matlamat yang berkenaan tidak dapat difahami oleh semua pihak yang terlibat. Tambahan pula, kemungkinan akan wujud pertelingkahan antara warga Jabatan yang berada dalam satu kumpulan disebabkan kekurangan komunikasi yang berkesan. Oleh itu, penggunaan komunikasi yang berkesan sama ada secara verbal atau bukan lisan dapat menghasilkan kesan yang positif kepada semua pihak yang terlibat. Pemimpin dalam sebuah kumpulan memainkan peranan penting dalam meningkatkan semangat esprit de corps di kalangan warga Jabatan. Sebagai contohnya,

pemimpin haruslah memberi pujian yang bersesuaian dengan keadaan terhadap pegawai bawahannya agar secara tidak langsungnya dapat meningkatkan lagi motivasi serta hubungan yang baik antara satu sama lain. Selain itu, komunikasi yang berkesan dapat juga merapatkan hubungan dan meningkatkan persefahaman antara pihak-pihak yang terlibat dalam satu tugas. Setiap pihak harus memahami peranan masing-masing. Apabila sudah memahami keperluan dan kehendak setiap orang dalam kumpulan, maka barulah dapat bekerja sebagai satu pasukan yang mantap dan seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan kreativiti, inovasi dan kualiti perkhidmatan veterinar. Beberapa program seperti kursus yang berkaitan dengan komunikasi hendaklah dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada warga Jabatan agar dapat menggunakan strategi komunikasi yang berkesan semasa menjalankan setiap tugas yang diarahkan.

Ong Yen Li
Pegawai Undang-undang, IPPV

5.3 Semua warga DVS berusaha untuk solat berjemaah di surau MOA tingkat 1.

Jamadi bin Badri
Penguatkuasa, IPPV

5.4 Meminta pengurusan tertinggi menyampaikan kata-kata hikmat / perangsang dalam face book – yang boleh diikuti oleh semua orang berdasarkan situasi semasa bagi meningkatkan sikap positif kepada semua warga jabatan. Perkataan yang digunakan perlulah positif – menggantikan masalah dengan situasi. Kenyataan merangkumi semua aspek, pekerjaan/ famili/ negara / global
Ini akan meningkatkan imej pengurusan atasan dan dapat menyatukan pendapat semua warga jabatan kepada yang sentiasa positif.

Noor Rahim bin Sharif
RO, BPKT IPPV

- 5.5** Menjadikan ikrar perkhidmatan awam sentiasa meniti dibibir warga jabatan (hafal dan dapat menghayati). Untuk itu emailkan ikrar perkhidmatan awam sekali setiap minggu supaya ia betul-betul melekat dalam fikiran semua warga. Untuk yang tiada email boleh dikumpulkan dan di baca setiap awal minggu mengikut kumpulan kecil yang mudah dan cepat. Sentiasa lakukan dengan sungguh-sungguh. Setiap orang perklu ada ikras ini. Tujuan utama semua orang akan menghayati dan memudahkan penggabungan pemikiran dan kerjasama diantara staff. Biar fizikal jauh tapi minda dekat.

Noor Rahim bin Sharif
RO, BPKT IPPV

- 5.6** Meminta semua pegawai dan kakitangan memperkenalkan diri melalui email jabatan secara berperingkat bermula dari pegawai yang lebih senior dengan disertakan gambar. Maklumat yang perlu dimasukkan ialah Nama, termasuk nick name jika ada tempat tugas, no telefon: pejabat / mobile, peranan dalam jabatan, kerjasama yang boleh diberikan, harapan kerjasama dari orang lain, lain-lain – seperti kisah, joke, madah, pantun – biar orang lebih ingat.

Noor Rahim bin Sharif
RO, BPKT IPPV

- 5.7** Meminta bahagian BKP (HRMIS) menyenaraikan tarikh lahir kakitangan setiap hari. bagi hari sabtu dan ahad (diumumkan pada hari jumaat) dihebahkan melalui email. Dengan ini ramai yang boleh mendoakan mereka/ memberi ucapan tahniah / beri nasihat / renungan. Ini akan membangkitkan ikatan yang lebih rapat antara kakitangan. Secara tidak langsung akan memudahkan pembentukan team work

Noor Rahim bin Sharif
RO, BPKT IPPV

- 5.8** Mewujudkan sistem Email yang memberi penghargaan kepada semua staff JPV seluruh negara semasa hari kegembiraan mereka seperti hari gaji/ hari jadi. Kandungan Email adalah mengucapkan selamat hari Jadi (jika masa hari jadi) dan diikuti dengan kata perangsang untuk tingkat mutu kerja. Setia bulan bila hari gaji – nyatakan 'pesanan kepada staf untuk mengurus kewangan dengan betul dan panduan untuk menjimatkan belanja serta menerangkan konsep bersyukur – dengan kerja lebih fokus dan rajin –mesej untuk meningkatkan semangat semua

staff – dari pengurusan atasan.- telah ada sistem yang membuat secara automatik – dengan memberi sms/email secara individu bukan secara general.

Noor Rahim bin Sharif
RO, BPKT IPPV

- 5.9** Jabatan perlu menganjurkan Team Building dan memilih peserta-peserta berlainan setiap tahun tidak kira staf baru atau lama agar mereka saling mengenali antara satu sama lain. Team Building dapat memupuk semangat kerjasama berpasukan yang berpanjangan dalam sesebuah organisasi. Ia juga dapat memudahkan urusan pekerjaan dan lebih senang untuk bekerjasama sekiranya kita saling mengenali.

Nurul Aini bt Mohd Yusof
RO, BPI IPPV

- 5.10** a. Mengoptimumkan penggunaan laman web Jabatan.
Usaha utama dalam meningkatkan esprit de corps di kalangan warga Jabatan adalah untuk mengenali antara satu sama lain. Perkara ini boleh diselesaikan melalui pelbagai pendekatan. Platform utama yang berpotensi untuk digunakan adalah laman web Jabatan. Direktori pegawai dan kakitangan boleh ditambahbaik dengan melengkapkan profil pegawai dan kakitangan dengan gambar serta latarbelakang ringkas. Dengan adanya maklumat ini di laman web Jabatan, warga Jabatan mempunyai akses kepada maklumat / profil ringkas pegawai serta kakitangan.
- b. Memanfaatkan ruang dinding kosong sekitar pejabat.
Pemahaman terhadap aspirasi dan halatuju Jabatan juga boleh mempengaruhi semangat setiakawan dan semangat berpasukan. Konsep bekerja dengan matlamat organisasi yang jelas sering diabaikan atau tidak diberi perhatian. Terdapat banyak ruang dinding di pejabat Jabatan yang tidak digunakan (*dead space*). Ruang dinding yang kosong ini boleh digunakan untuk mempamerkan poster-poster yang memaparkan visi, digunakan untuk memaparkan aktiviti-aktiviti di bawah kelolaan Jabatan serta undang-undang yang berkaitan. Ini setidaknya-tidaknya, dapat memberikan gambaran umum kepada warga Jabatan secara berterusan dan sukarela (*repetitive and voluntary exposure*) tentang identity, matlamat dan peranan Jabatan dan sumbangan Jabatan kepada kemajuan pertanian Negara. Inisiatif ini akan dapat mendidik warga Jabatan tentang halatuju organisasi dan secara tidak langsung, mereka dapat mengenal Jabatan dengan lebih intim dan memupuk semangat kekitaan yang sihat sesama warga Jabatan.

c. KESUVET sebagai medium perpaduan.

KESUVET juga boleh menjadi satu platform untuk meningkatkan semangat esprit de corps di kalangan warga Jabatan. Penglibatan di dalam aktiviti sukan, riadah dan kebajikan di luar tugas hakiki dapat menyegarkan (refresh) hubungan antara warga Jabatan dan mengukuhkan silaturahim. KESUVET juga boleh menganjurkan seminar kepimpinan, bengkel atau sesi team building ke arah memperbaiki hubungan dan meningkatkan esprit de corps di kalangan warga Jabatan.

d. Membudayakan perhimpunan bulanan Jabatan

Perhimpunan Jabatan boleh dijadikan salah satu *touch point* antara kepimpinan Jabatan dan warganya. Perhimpunan bulanan ini adalah satu medium bagi mengeratkan lagi perhubungan antara warga Jabatana di samping dapat berkongsi berita dan perkembangan terbaharu peristiwa yang berlaku di Jabatan. Secara tidak langsung interaksi sebegini mewujudkan kemesraan seterusnya membawa kepada peningkatan semangat *esprit de corps*.

Ardhy Adnan
VO, Direktorat IPPV

6. JUN : Merekacipta permainan kanak-kanak bagi menarik minat ke arah penternakan

6.1 Permainan mengejar dan menangkap haiwan kesayangan seperti arnab dan ayam dalam kawasan kurungan / berpagar. Spesis ini dipilih kerana ia tidak memudaratkan seperti menggigit kanak-kanak ketika menangkapnya. Haiwan yang ditangkap terus dijadikan sebagai hadiah. DVS boleh pilih beberapa sekolah berhampiran sebagai pilot projek dan membekalkan haiwan tersebut atau dibuat program di mana-mana ladnag / premis DVS.
(Cadangan idea tidak diterima panel penilai)

Jamadi bin Badri
Penguatkuasa, IPPV

6.2 Mereka sebuah permainan komputer mengenai ladang ternakan yang mana kanak-kanak boleh membina satu ladang, membuka gerai dan menjual ternakan. Dalam game ini mereka harus menjaga (memberi makan, minum, rawatan, ubatan dan sebagainya) sehingga ternakan-ternakan sampai umur sesuai untuk dijual. Kanak-kanak juga harus menjaga ternakan dari dimakan binatang buas, mengubati dari sakit dan melindungi dari hujan / rebut /

panas (elemen-elemen ini akan melambatkan pertumbuhan ternakan atau menyebabkan kematian). Hasil jualan mereka boleh membeli lagi petak ladang, membina tambahan bangsal, menambah bilangan pekerja, menambah jenis ternakan, membina rumah besar, membeli kereta mewah dan jentera. Selitkan juga elemen tambahan seperti makanan tambahan (konsentrat, ubat cacing dan sebahainya untuk mempercepatkan / memperbaiki perkembangan ternakan tersebut).

Rozila binti Mohd Zln
AVO, BPKT IPPV

- 6.3** Mencipta sebuah ladang mainan siap dengan replica mainan ternakan, padang ragut, mesin jentera dan kandang.

Rozila binti Mohd Zln
AVO, BPKT IPPV

- 6.4** Toys are excellent learning tool for children. They come in many shapes, sizes and colours and can be more than just a child's play. Toys can be designed in a variety of ways to fit different learning purposes. One of which, in this context, is aimed towards teaching children about animal farming through fun and play.

Animal figures / pluchies including farm animals are common in the market. They are excellent in teaching to recognize different species of farm animals morphologically. However, they do not teach children about their use as far as farming is concerned. This is where, **farm animal diorama** comes in. a diorama set/ kit will tackle their interest in farming as they build their own farm setting in relation to the farm animal, i.e. – a dairy cow belongs to milking parlour etc. in the process, children will learn about the animal products and the animal of which it derives from, i.e. – cheese comes from milk, and milk comes from milking cows. By creating their own miniature farm model, children will get an overview of the farm layout / environment as well as the purpose of rearing each animal.

Match-up playbook may also interest children towards animal farming. A farm animal match-up playbook is a fun way to educate children to recognize different farm animals and match them to their products or even to the related infrastructure, i.e. – milking parlour to a milking cow, wool to a sheep etc.

For the tech-savvy younglings, a **Tamagochi** style portable digital farm animal will definitely do the trick. Instead of the conventional Tamagochi animals which are all pet animals such as cats and dogs, why not replace them with

farm animals. This is a simple portable digital farm animal which simulates basic farm animal care and production. Children will learn to care and manage their farm animals such as to milk when its time, feed them, clean their shelter and such. In a way, the Tamagotchi concept is similar to a certain degree to the Farmville application on Facebook.

Dr Ardhy Adnan
VO, Direktorat IPPV

6.5 Permainan kad bergambar, seakan permainan SNAP / UNO / Happy Family. Dicadangkan permainan ini dinamakan Fun Animal Farm.

Sesuai dimainkan oleh kanak-kanak berumur 4 tahun dan ke atas. Setiap pusingan permainan lebih seronok dimainkan 3 orang atau lebih. Setiap kumpulan haiwan ternakan disediakan juga kad produk / hasilan mudah yang boleh dihasilkan dari haiwan tersebut. Contoh: Ayam disediakan juga kad nugget ayam, telur, anak ayam.

Kad-kad yang disediakan mestilah sama rata antara semua jenis haiwan, dan tidak terlalu banyak supaya tidak terlalu mengelirukan kanak-kanak. Kanak-kanak didudukkan dalam bulatan. Setiap kanak-kanak diberikan beberapa keping kad secara rawak. Peserta pertama akan meletakkan satu kad ke tengah bulatan.

Peserta kedua kemudian meletakkan satu kad dalam simpanannya. Jika haiwan/produk/hasilan adalah dari kumpulan haiwan ternakan yang sama, peserta harus membuat bunyi haiwan tersebut dan ambil semua kad di tengah.

Peserta yang dapat mengumpulkan kumpulan haiwan paling cepat dikira menang. Permainan boleh diteruskan sehingga semua kumpulan haiwan berjaya dikumpulkan.

Kelebihan:

Kanak-kanak diperkenalkan dengan haiwan ternakan dalam keadaan yang lebih santai. Kanak-kanak dapat mengetahui bunyi haiwan ternakan. Kanak-kanak mengetahui produk dari haiwan ternakan. Pengawasan penjaga ketika permainan berlangsung dapat membantu memperbaiki kesalahan yang dilakukan kanak-kanak jika ada.

Farah Jaffarran
RO, BPI IPPV.

6.6 Permainan dam ular dengan pengubahsuaian gambar binatang yang digunakan. Ditambah dengan kad bonus bila tiba ditempat tertentu. Kad bonus disertakan dengan soalan. Lihat lampiran dibawah.

Noor Rahim Sharif
RO, BPKT IPPV

- 6.7 Permainan saidina ditukar kepada jual beli ternakan dan rumah jadi kandang ternakan – hasil dikira dari kapasiti kandang dan jenis ternakan. Ternakan dicadang lembu kambing ayam itik walit, telur ayam

Noor Rahim Sharif
RO, BPKT IPPV

- 6.8 Dalam usaha untuk meningkatkan minat dalam bidang penternakan, memupuk minda dan sikap kanak-kanak seawal usia adalah tepat sekali sebagai galakan untuk meminati kecintaan alam haiwan.

Program Kenali Alam Haiwan melalui aktiviti “**petting zoo**” adalah salah satu kaedah “permainan” terbaik bagi kanak-kanak. Permainan mengenali haiwan ini dimulakan dengan penyediaan anak-anak aneka haiwan termasuklah jenis anak-anak haiwan/ternakan seperti anak unggas (ayam dan itik), anak kambing, arnab dan sebagainya dalam satu kawasan yang sesuai dan terkawal. Permainan dimulakan dimana mereka dikehendaki mencari anak-anak haiwan yang dipamerkan atau tersembunyi seperti ala “**treasure hunt**” dan mengenalpasti melalui gambar-gambar haiwan yang disediakan. Selain itu, pertandingan melukis atau mewarna gambar haiwan domestik dengan cara menyediakan lukisan berbentuk suasana pemeliharaan ternakan boleh juga diadakan sebagai pakej permainan.

Dr Madzlan bin Mohd Salleh
VO, JPV Kelantan

- 6.9 Memandangkan kanak-kanak zaman sekarang lebih berminat dengan permainan berbentuk elektronik seperti permainan video, komputer, tablet dan telefon pintar, permainan elektronik bertemakan pengurusan dan strategi berteraskan penternakan dan perniagaan dapat menarik minat dan memberi pendedahan terhadap kanak-kanak, berkenaan senario sebenar pengurusan penternakan di negara ini.

Di masa kini, terdapat banyak perisian permainan elektronik antarabangsa yang berteraskan pengurusan dan strategi seperti siri SIMS dan Farmville. Permainan berkonsepkan pengurusan dan strategi pertanian ini sedikit sebanyak dapat memberi pendedahan kepada generasi muda berkenaan asas, keperluan dan halangan yang bakal di tempuhi dalam bidang penternakan dan pertanian seperti keperluan modal, menggaji pekerja, berurusan

dengan pelanggan, menaiktaraf peralatan dan kemudahan, menambah hasil pengeluaran, dan juga cara menghadapi halangan dan cara menyelesaikan masalah – masalah yang lazimnya timbul dalam bidang ini.

Memandangkan teknologi animasi dan ICT di Malaysia kini semakin menampakkan kemajuan, permainan kanak-kanak berbentuk elektronik yang berteraskan pertanian dan penternakkan ini boleh dibangunkan. Malah, orang dewasa juga boleh menjadikan permainan ini sebagai bahan hiburan yang berinformasi. Sudah tiba masanya untuk Malaysia membina perisian permainan elektronik tempatan.

Dr Zawida binti Zahari
VO, VRI Ipoh

7. JULAI : Meningkatkan kebajikan haiwan

- 7.1** Mengisytiharkan satu minggu dalam setiap bulan atau satu bulan dalam setiap tahun, atau satu hari dalam setiap minggu sebagai Hari Kebajikan Haiwan dengan menguatkuasakan penalti yang lebih berat bagi individu yang melakukan kesalahan dalam konteks mengabaikan kebajikan haiwan dalam jangkamasa tersebut. Harapan agar amalan harian, mingguan atau bulanan sebegini, masyarakat menjadi lebih peka dan menahan diri daripada melakukan kekejaman terhadap haiwan disamping mendidik masyarakat memahami kebajikan haiwan.

Dr Marzura Md Rodzi
VO, MKAV Salak Tinggi

- 7.2** Saya cadang supaya setiap negeri memasang papan iklan (billboard) untuk mempromosi dan meningkat kebajikan haiwan melalui papan iklan. Ia boleh dibuat sepanjang tahun dan dipasang di tempat-tempat yang strategik. Kos dijangka tidak melebihi RM20,000.00 setahun.

Sharifah binti Said
PA, JPV Kelantan

- 7.3** permainan dan kediaman khas haiwan

Jeyanthi Jeyarajah
Pelajar sekolah, Ipoh

7.4 Konsep rumah kebajikan orang-orang tua boleh diaplikasikan. Rumah kebajikan haiwan yang lengkap kemudahannya termasuk kakitangan petugas perlu disediakan mengikut zon tertentu. Semua haiwan terbiar perlu ditangkap dan dirawat serta dibiarkan hidup di Rumah Kebajikan Haiwan ini. Amalan mematikan haiwan ini perlu dihentikan!. Bagi individu yang ingin memiliki haiwan kesayangan pula, mereka perlu diberikan pengetahuan berkaitan penjagaan serta dikenalpasti tahap kemampuannya. Jika mereka gagal melepasi syarat ini, haiwan tersebut perlu dirampas dan di hantar ke Rumah Kebajikan haiwan ini. Ini perlu dikaji dari segi bidangkuasa yang ada.

*Jamadi bin Badri
Penguatkuasa, IPPV*

7.5 Di setiap negeri, pusat penjagaan haiwan terbiar dan haiwan yang berkeliaran di merata-rata tempat dibina. pengamalan idea ini dapat memastikan kebajikan haiwan dijaga, yang mampu meningkatkan kebajikan haiwan.

*Jeyashankar Jeyarajah
Pelajar sekolah, Ipoh*

7.6 Cattle, sheep or goats should be fed medicinal herbs such as neem or ketapang which free, to control worms and have a shiny hair coat. This will keep them healthy and no cost for the owner and will upgrade the level of health and well being of the animals. To encourage the use of natural herbs will improve general well being of animals.

*Dr Chandrawathani Panchadcharam
VO, VRI Ipoh*

7.7 Menghayati tatacara penjagaan haiwan melalui “**Good Animal Husbandry Practice**”, dimana juga menerapkan **EMPATHY** terhadap haiwan dalam insan yang dinamakan manusia.

- Galakkan semua untuk ada haiwan peliharaan. Jabatan boleh adakan hari kesedaran “kebajikan Haiwan” dimana berbagai haiwan peliharaan di beri/dibeli dengan mudah/murah. Diselitkan bersama info/GAHP yang berkaitan untuk penjagaan yang betul untuk sesekor haiwan itu.
- Siarkan dalam program Agro Journal/ Majalah 3 dan sebagainya

Objektif:

Apabila seorang mempunyai seekor haiwan dan menjaganya ianya berpandukan GAHP yang betul maka ianya akan membentuk seseorang sebagai pencinta haiwan. Jika bermula dari kecil "kindergarten" maka lagi senang untuk menerapkan nilai murni iaitu sifat "empathy" terhadap haiwan. Mereka akan sedar bahawa sesuatu perlakuan itu betul atau sebaliknya. Dengan ini rakyat Malaysia masa depan adalah pecinta haiwan dan bersifat baik/empathy terhadap haiwan. Ini adalah selaras dengan masyarakat Negara maju.

Dr Fadzilah Aini binti Abd Kadir
VO, JPV Selangor

7.8 Keprihatinan Manusia Membentuk Kesejahteraan Haiwan


Siti Noor Adawieah binti Besar
VA, JPV Terengganu

8. OGOS & NOV : Merekacipta baju korporat batik Jabatan

8.1 Designkan batik tulisan tangan dengan motif dari berbagai 'mata ternakan' dan dalam anak mata tersebut lukiskan logo 'V' Veterinar.


Dato' Dr. Hj. Mohd. Zairi bin Hj. Serlan
VO, JPV Kelantan

8.2




Mohd Hizan bin Misnan
PRA, JPV Johor Bahru

8.3



*Mohd Hizan bin Misnan
PRA, JPV Johor Bahru*

- 8.4** Corak yang berasaskan anggota badan haiwan dan warna utama adalah warna ungu yang merupakan warna Jabatan.



*Nurshuhada binti Solahuddin
RO, BPI IPPV*

9. DISEMBER : Meningkatkan Perjuangan Veterinar

9.1 Meningkatkan Perjuangan Veterinar

Kita sebagai agen Pengembangan dalam industri Veterinar sangat memerlukan kepada prinsip **TERNAK** bagi meningkatkan Perjuangan Veterinar.

TERNAK dapat di huraikan sebagaimana berikut:-

Singkatan	Maksud	Pengertian
T	Tepati Masa	<p>Kita mesti menepati masa yang ditetapkan, termasuklah menepati janji yang telah dibuat.</p> <p>Oleh itu perlulah membuat :-</p> <ul style="list-style-type: none">a. <u>MENINGKATKAN PENGURUSAN MASA</u>b. <u>PERANCANGAN YANG RAPI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS</u>c. <u>MENINGKATKAN OUTPUT DALAM MASA YANG ADA</u>d. <u>MENGAJI PENGGUNAAN MASA UNTUK SETIAP AKTIVITI YANG DIJALANKAN</u>e. <u>MANUAL PROSIDURE KERJA – DITETAPKAN DENGAN MASA</u>
E	Emphati	<p>Kita meletakkan diri kita di pihak pelanggan kita, dengan itu kita akan dapat memberi perkhidmatan yang memenuhi jangkaan pelanggan kita. Dengan ini kita akan sedaya upaya membantu mengatasi masalah yang dihadapi</p>
R	Rajin berusaha	<p>Kita perlulah sentiasa konsisten dengan kerja kita, jangan lekas jemu atau lupa. Ambil iktibar seperti air sungai yang tidak jemu-jemu</p>

Singkatan	Maksud	Pengertian
		mengalir dan batu akan menjadi lekuk oleh kerana titisan air yang tidak berhenti-henti.
N	Nampak Keperluan	<p>Kita perlu melatih diri untuk melihat persekitaran kita dan dengan itu dapat melihat apa yang diperlukan untuk meningkatkan lagi tahap industri veterinar. Kita perlu nampak:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. <u>KEPERLUAN DIRI DALAM MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI AGEN PENGEMBANGAN</u> b. <u>KEPERLUAN UNTUK MENJAGA KESIHATAN SUPAYA TUGAS TIDAK TERGENDALA</u> c. <u>KEPERLUAN FAMILI UNTUK KITA HIDUP GEMBIRA DI RUMAH DNA DITEMPAT KERJA</u> d. <u>KEPERLUAN PELANGGAN KITA</u> e. <u>KEPERLUAN NEGARA/DASAR</u> f. <u>KEPERLUAN KITA SEBAGAI HAMBA ALLAH</u>
A	Akrab	<p>Kita perlu lebih akrab dengan pelanggan kita, ini bermaksud kita mengetahui dengan lebih mendalam mengenai bidang usaha setiap penternak, ini akan mempercepatkan lagi penyaluran teknologi dan penambahbaikan yang perlu serta kerjasama dari penternak. Akrab bukan sekadar antara agen pengembangan tetapi antara Jabatan dengan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a. <u>AGENSI/JABATAN LAIN DILUAR NEGARA</u> b. <u>AGENSI /JABATAN LAIN DALAM NEGARA</u> c. <u>PERSATUAN PENTERNAK /NGO - PENTERNAKAN</u> d. <u>KOOPERASI</u>

Singkatan	Maksud	Pengertian
		<p>e. <u>UNIVERSITI</u> f. <u>PENYEDIA PERKHIDMATAN DAN LAIN-LAIN</u></p>
K	Kemahiran unggul	<p>Perlu tetapkan matlamat kita untuk mempunyai kemahiran yang unggul atau pakar dalam sekurang-kurangnya dua bidang. Dengan ini kita akan menjadi pakar rujuk bukan setakat domestik malah di peringkat antara bangsa. Kemahiran meliputi</p> <p>a. <u>KEMAHIRAN TEKNIKAL</u> b. <u>KEMAHIRAN 'SOFT SKILL'</u> c. <u>KEMAHIRAN PENGURUSAN</u> d. <u>KEMAHIRAN AGAMA DAN LAIN-LAIN</u></p>

Pengertian ini dapat di kembangkan dengan lebih luas lagi meliputi bukan bidang penternakan sahaja malah semua aktiviti dalam perkhidmatan veterinar. Dengan menggunakan prinsip ini banyak penambahbaikan perlu dibuat dalam sistem pengurusan industri dan sedia ada

Noor Rahim Sharif
RO, BPKT IPPV

9.2 Idea kreatif saya untuk meningkatkan perjuangan veterinar adalah dengan memperjuangkan hak-hak haiwan

Jeyashankar A/L jeyarajah
Pelajar

- 9.3 Memartabatkan perkhidmatan pengembangan veterinar
Cara: Adakan anugerah tahunan tokoh pengembangan veterinar Malaysia
Sasaran: pegawai pengembangan yang menjadi 'front liner' Jabatan – mereka bertanggungjawab sebagai proksi Jabatan.
Kaedah: Guna criteria tertentu dan nilai hasil kerja secara auditan rekod

*Abd Halim bin Mohamed
AVO, JPV Kelantan*